

# UMP, tujuh rakan industri jalin kerjasama



Daing (lima, kanan) bersama wakil tujuh rakan strategik pada Majlis Pertukaran Memorandum Persefahaman Antara UMP dengan Rakan Industri di UMP Pekan.

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan tujuh rakan strategik bagi memastikan agenda memasyarakatkan teknologi selaras dengan aspirasi pelaksanaan Pelan Strategi UMP 2016 hingga 2020.

Jaringan kerjasama itu membabitkan beberapa agensi seperti Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK); Institut Jurutera Malaysia (IEM); Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC); Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM); Megatech International College;

Bee Park Pahang dan Persatuan Usahawan Kelulut Pahang.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, dalam konteks pemerkasaan jaringan UMP dengan rakan industri kini dalam merangka inisiatif kolaborasi yang mampan.

"Pemeteraihan kerjasama dengan tujuh rakan industri yang mewakili pelbagai sektor dan lapangan ekonomi ini adalah satu permulaan membina bagi UMP untuk tahun ini," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menurutnya, UMP juga bakal

menimba manfaat daripada PMBK sebagai pelapor pelaburan strategik bersama kerajaan negeri Kelantan.

Jelasnya, jalinan kerjasama dengan IEM pula bagi menggalakkan pemajuan kerjaya kejuruteraan.

"Kerjasama dengan MDEC pula akan menjadikan UMP sebagai wakil e-Rezeki dan pusat latihan eUsahawan dalam bidang teknologi digital untuk komuniti di sekitar universiti ini," katanya kepada pemberita ketika ditemui di sini.